

Pendek kata adalah Islam itu memerangi falsafah “ semua rakyat” yakni “oleh rakyat dari rakyat untuk rakyat” kerana itulah falsafah kebendaan yang menjadikan tamadun sekarang suatu tamadun yang ngeri dan cemar.

Islam dengan segala ajaran-ajarannya adalah bertujuan hendak menegakkan faham atau falsafah “ketuhanan sejagat” maksud ketuhanan di sini bukanlah bererti yang kita orang-orang Islam mesti membenci orang kafir atau memerangi dan memusuhi mereka. Tujuan dan maksud ketuhanan di sini ialah supaya manusia kenalkan Tuhan mereka dan berhubung rapat dengannya. Dengan menaruh sepenuh-penuh minat kepadanya. Maka dengan adanya perhubungan dan minat itu dapatlah manusia itu mengambil rohani yang suci daripada Tuhan mereka iaitu rohani yang akan menaikkan mutu manusia kepada makam kemanusiaan yang sempurna lagi suci. Maksud ketuhanan di sini ialah supaya orang-orang Islam mengisi batin mereka dengan seruan “Allah itulah tujuan kami yang akhir”.

Maksud “sejagat” disini ialah bahawa ketuhanan yang diseru oleh Islam itu bukanlah ketuhanan untuk satu tempat atau negeri atau untuk satu kaum dan umat. ketuhanan itu dikehendaki meliputi seluruh dunia dan dikehendaki meliputi sekalian manusia. Manusia pada pandangan Islam adalah asalnya satu, bapanya satu dan satu pula keturunannya. Seseorang itu tidak mempunyai kelebihan melainkan kadar takwanya, amal kebaikannya dan hisabnya yang dilimpakkannya kepada orang ramai. Islam tidak percayakan perkauman dan tidak galakkan kebangsaan serta tidak mengakui dasar warna kulit. Islam menyeru kepada persaudaraan yang adil dan penuh kasih sayang diantara semua manusia.

Demikianlah rupa dan gambar corak demokrasi Islam yang berasaskan ketuhanan itu, saya bentangkan dengan serba ringkas bagi menunjukkan bahawa demokrasi Islam bahkan peraturan Islam itu adalah bukan tiruan-atau campur aduk daripada peraturan-peraturan yang ada sekarang atau yang dahulu kala adanya.

PANDUAN RASULULLAH (SAW)

Muadz berkata, saya telah berkata kepada Rasulullah (SAW)

“Ya Rasulullah , khabarkanlah kepada saya akan suatu amal yang menyebabkan saya masuk syurga dan menjaukan saya daripada api neraka”

Baginda pun menjawab : “Engkau wahai Muadz- telah bertanya akan suatu perkara yang besar, tetapi mudah sekiranya Allah Azza Wajalla memudahkannya bagi seseorang itu. Hendaklah engkau menyembah akan Allah dengan tidak menyekutukan sesuatu pun dengannya, dirikanlah sembahyang, keluarkanlah zakat, puasalah pada bulan Ramadhan, dan naiklah Haji ke Baitullah.”

Setelah itu Baginda bersabda lagi : “Mahukah aku tunjukkan kamu akan pintu-pintu kebajikan ? Puasa itu ialah pendinging, bersedekah pemadam akan dosa sebagaimana air memadamkan api, sembahyang seseorang itu pada tengah malam (lalu dibacanya ayat Quran : “*tatajā fā junūbuhum ani al-madāji*” Hingga sampai kepada “*ya ’malūn*” 16, 17 Al-Sajadah)

Setelah itu baginda bersabda lagi:

“Mahukah aku tunjukkan kamu akan “Kepala” perkara itu dan “tiang terasnya” serta kemuncaknya”? “bahkan!” jawab saya.

Maka baginda pun menerangkan lagi : “Adapun “kepala” perkara itu ialah Islam, dan “tiang terasnya” ialah sembahyang, manakala berjihad itu ialah kemuncaknya”

Setelah itu baginda bersabda pula: “Mahukah aku khabarkan kamu akan perkara yang meliputi segala yang tersebut itu?”

“Bahkan!” jawab saya. Sambil menunjukkan lidahnya junjungan bersabda lagi: “Peliharakanlah ini” saya pun bertanya : “Ya Nabi Allah, adakah kita akan dihisab segala tutur kata kita?”

Tiba-tiba baginda menjawab dengan menempelak :

“Tidakkah manusia

yang dipertiarapkan di neraka jahanam atas muka atau atas hidung mereka disebabkan hasil lidah mereka?”